



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسلامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

20 MAC 2026M

“MENGHIASI AIDILFITRI DENGAN KESEDERHANAAN”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
يُبْنِي عَادَمَ خُدُوءَ زَيْنَتِكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib mengingatkan diri sendiri dan sidang Jumaat sekalian untuk bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Laksanakanlah semua perintah Allah dan jauhilah semua larangan-Nya. Jadikanlah syariat Islam sebagai panduan dalam menjalani kehidupan yang fana ini. Semoga dengan itu, hidup kita menjadi semakin indah dan dipenuhi keberkatan Ilahi. Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memberikan tumpuan kepada khutbah yang akan dibaca. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala ibadah kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan sepenuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri yang menjelang, mimbar akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Menghiasai Aidilfitri dengan Kesederhanaan.”**

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Aidilfitri ialah hari kemenangan selepas kita berjihad mengisi bulan suci Ramadan dengan pelbagai bentuk ibadah. Pada hari kemenangan ini, kita digalakkan untuk menzahirkan semua bentuk kegembiraan. Oleh itu, kita disunatkan membersihkan diri, memakai pakaian yang indah, dan berwangi-wangian. Nafi' meriwayatkan bahawa sahabat Rasulullah SAW yang bernama Abdullah bin Umar bin al-Khattab *radiallahu'anhu* selalu memakai pakaian yang terbaik setiap kali keluar untuk Solat Hari Raya. (Riwayat al-Bayhaqi).

Walaupun begitu, kegembiraan di hari raya tidak boleh melampaui batas yang dibenarkan syariat. Madrasah Ramadan telah mendidik kita mengekang nafsu dan mengawalinya agar tunduk kepada kehendak agama. Hal ini kerana nafsu tidak mengenal had batasan. Keinginannya tidak pernah berakhir. Setiap kali dituruti, nafsu akan terus meminta yang lain. Kehendak nafsu tidak akan berhenti melainkan apabila manusia tersebut masuk ke dalam kubur. Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ أَنَّ لَابْنَ آدَمَ وَادِيًا مِنْ ذَهَبٍ أَحَبَّ أَنْ يَكُونَ لَهُ وَادِيَانِ، وَلَنْ يَمْلَأَ فَاهُ إِلَّا التُّرَابُ، وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ تَابَ.

Maksudnya: “Sekiranya seorang anak Adam memiliki satu lembah yang penuh dengan emas, dia pasti menginginkan lembah yang kedua. Mulutnya tidak akan merasa cukup melainkan apabila dipenuhi tanah. Namun Allah bersedia menerima taubat bagi siapa yang hendak bertaubat.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Sebagai seorang graduan madrasah Ramadan, kita mesti menjadikan Islam sebagai penentu tindak-tanduk dan perilaku kita. Segala perkara

yang dibenarkan oleh Islam, kita lakukan. Perkara yang dilarang, kita tinggalkan. Salah satu ajaran Islam adalah tidak berlebih-lebihan dalam semua aspek kehidupan. Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raf, ayat 31:

*يَبْنَىْ ءَادَمَ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَشَرَبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: *“Wahai anak keturunan Adam, pakailah pakaian kamu yang indah pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan solat), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu berlebih-lebihan; sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang suka berlebih-lebihan.”*

Sikap berlebih-lebihan berpunca daripada kegagalan mengawal hawa nafsu yang suka berbelanja mengikut keinginan bukan mengikut keperluan. Seseorang orang membeli sesuatu hanya kerana tergoda dengan tawaran iklan atau tidak ingin tertinggal fesyen. Seseorang yang lain membeli sesuatu barang kerana orang lain membelinya. Lebih membimbangkan, ada pula yang sanggup berhutang dan membuat pinjaman untuk membeli benda yang sebenarnya tidak diperlukan. Sikap konsumerisme seperti ini tidak selaras dengan ajaran Islam dan menyalahi gaya hidup kaum solihin.

Pada suatu hari Saidina Umar bin al-Khattab *radiallahu'anh*u berkunjung ke rumah anaknya yang bernama ‘Abdullah. Beliau melihat sepotong daging lalu bertanya: *“Wahai ‘Abdullah, mengapa ada sepotong daging di sini?”* ‘Abdullah menjawab: *“Aku sedang teringin makan daging, justeru aku membelinya.”* Umar berkata: *“Apakah setiap kali teringin sesuatu,*

engkau terus memakannya? Cukuplah pembaziran yang dilakukan seseorang, setiap kali menginginkan sesuatu dia lalu memakannya.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Islam ialah agama yang memuliakan manusia. Nilai diri seseorang tidak ditentukan dengan baju yang dipakai, kenderaan yang diguna, dan rumah yang didiami. Sebaliknya Islam menetapkan bahawa nilai seseorang ditentukan oleh ketakwaan yang berada dalam hati. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَامِكُمْ، وَلَا إِلَى صُورِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ.

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada tubuh badan dan rupa kamu, akan tetapi Allah memandang kepada hati dan amalan kamu.”* (Riwayat Muslim).

Oleh yang demikian, Islam mengajar kita untuk tidak membeza-bezakan orang lain berdasarkan penampilan zahirnya. Boleh jadi, seseorang yang kita pandang tinggi kerana rupa dan kedudukannya, sebenarnya dia hina di sisi Allah SWT. Dan boleh jadi seseorang yang kita pandang rendah kerana rupa dan kedudukannya, sebenarnya dia memiliki kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud:** *“Sering kali seseorang yang kusut masai dan selalu ditolak dari pintu ke pintu, namun sekiranya dia meminta kepada Allah, Allah pasti mengabulkan permintaannya.”* (Riwayat Muslim).

Justeru, buanglah perasaan bahawa diri kita lebih baik daripada orang lain. Sambut dan hargai semua manusia sebagai sama-sama hamba Allah yang setara dengan kita. Yakinlah, tawaduk dan merendah diri tidak

menjatuhkan darjat kita malah meninggikannya. Sebaliknya, apabila kita bersikap angkuh, sebenarnya kita tengah menghinakan diri sendiri di mata Allah dan pandangan manusia. Saidina Umar bin al-Khatab *radiallahu'anhu* pernah berkata yang **bermaksud**: “*Siapa yang bertawaduk kerana Allah, maka Allah akan mengangkat darjatnya. Dia kecil dalam pandangan sendiri namun besar dalam pandangan mata orang lain. Siapa yang menyombongkan diri, maka Allah akan merendahkan dirinya. Dia besar dalam pandangan sendiri namun kecil dalam pandangan mata orang lain.*” (Riwayat al-Baihaqi dalam Syu’ab al-Iman).

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Setiap nikmat yang kita miliki pada hari ini, hakikatnya ialah amanah daripada Allah. Harta, kedudukan, dan pengaruh ialah ujian untuk melihat sikap dan perilaku kita. Suatu hari nanti sebuah mahkamah akan diadakan di hadapan Allah SWT untuk menghakimi setiap keputusan kita. Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud**: “*Sesungguhnya setiap orang daripada kamu akan berjumpa dengan Allah secara langsung. Allah lalu bertanya kepadanya: Bukankah Aku telah memberimu pendengaran dan penglihatan? Dia menjawab: Ya. Allah berkata: Bukankah Aku telah memberimu harta dan anak-anak? Dia menjawab: Ya. Allah berkata: Lalu, amalan apakah yang telah engkau persiapkan untuk menghadapi hari ini? Orang itu, melihat ke hadapan, ke kanan, dan ke kiri, namun tidak menemukan sesuatu yang dapat melindungi dirinya daripada api neraka. Nabi SAW kemudian bersabda: “Justeru, lindungilah dirimu daripada api neraka walau dengan bersedekah dengan setengah biji kurma. Jika tidak mampu, maka dengan perkataan yang baik.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Justeru, dalam kegembiraan menyambut Aidilfitri, janganlah dilupakan orang-orang yang memerlukan di sekitar kita. Sama ada orang yang rapat dengan kita mahupun yang jauh, orang yang kita kenali ataupun tidak, sebangsa dengan kita ataupun berbeza. Hulurkanlah sebahagian daripada rezeki kita kepada mereka. Gembirakanlah mereka, semoga dengan itu, Allah akan menggembirakan kita di dunia dan di akhirat.

Saidina Umar bin al-Khattab *radiallahu'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW suatu hari ditanya: *“Wahai Rasulullah, amalan apakah yang terbaik?”* Baginda menjawab: *“Memasukkan kegembiraan dalam hati seorang mukmin. Engkau mengenyangkan laparnya, memberi pakaian untuk menutupi auratnya, dan menunaikan hajat keperluannya.”* (Riwayat al-Tabarani).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
No. telefon: 088-522127
E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com